

Konsep klinik kencing manis masa depan

SingHealth, A*Star meterai MOU antaranya untuk guna teknologi periksa kandungan gula dalam darah dengan kaedah kawalan jauh

PESAKIT kencing manis mungkin tidak lagi perlu ke klinik untuk mendapatkan pemeriksaan tahap gula dalam darah mereka pada masa hadapan.

Ini kerana mereka boleh melakukannya sendiri dengan keselesaan di rumah dengan menggunakan teknologi kawalan jauh.

Kaedah tersebut merupakan antara konsep 'Klinik Kencing Manis Masa Depan' – satu pendekatan yang akan digunakan Pusat Diabetes dan Metabolisme SingHealth di Hospital Besar Singapura (SGH).

Menurut laporan akhbar *The Straits Times*, pusat tersebut akan menggunakan teknologi pintar bagi mempertingkat penjagaan pesakit kencing manis – daripada meramalkan risiko pesakit kepada pemantauan serta rawatan dan pengurusan penyakit tersebut.

Sebagai contoh, teknologi yang boleh dipakai, seperti aplikasi pintar, boleh digunakan untuk mengesan pemakanan pesakit.

Pesakit hanya perlu mengambil gambar makanan mereka dan memuatnaikannya ke aplikasi tersebut bagi membolehkan aplikasi itu mengira bahan terkandung dalam makanan berkenaan.

Maklumat tersebut kemudiannya akan dihantar kepada doktor yang memantau keadaan pesakit.

Pengarah eksekutif penyelidikan bioperubatan Agensi bagi Sains, Teknologi dan Penyelidikan (A*Star), Dr Benjamin Seet, berkata data yang dikumpulkan itu akhirnya akan digunakan bagi kajian meningkatkan penjagaan pesakit.

Beliau turut menambah pendekatan menggunakan teknologi pintar itu adalah sesuatu yang diharap dapat diterapkan dalam sistem penjagaan kesihatan.

Pendekatan teknologi pintar itu merupakan antara inisiatif baru di bawah satu perjanjian selama tiga tahun yang dimeterai antara SingHealth dengan A*Star.

Di bawah Memorandum Persefahaman (MOU) yang dimeterai semalam, keddua kumpulan itu juga akan cuba menangani penyakit yang tersebar luas dan membebankan ekonomi di Asia.

Mereka juga akan menumpukan perhatian kepada manfaat data utama dalam perubatan ketepatan (precision medicine) serta inovasi dalam rawatan imunoterapi dan pembangunan dadah.

Majlis menandatangani MOU itu disaksikan Menteri Perdagangan dan Perusahaan (Perusahaan) S. Iswaran.

"Keupayaan saintifik dan teknikal yang didapati daripada 18 institut penyelidikan A*Star akan melengkapi

kepakaran dan sumber penjagaan kesihatan SingHealth yang luas, yang membolehkan peralihan lancar pada penelesaian penjagaan kesihatan serta aplikasi yang dapat digunakan daripada kerusi rehat ke tempat tidur," kata beliau.

Di Singapura, satu dalam tiga orang berisiko dijangkiti penyakit kencing manis 'Type 2' dalam hidup mereka.

Satu kajian yang dijalankan pada 2015 menganggarkan bahawa jumlah kos yang ditanggung daripada penyakit kencing manis di Singapura melebihi AS\$1.9 bilion (\$2.6 bilion) menjelang 2050.

Mengenai usaha menggunakan teknologi dalam membantu pesakit kencing manis, Ketua Jabatan Endokrinologi SGH, Dr Goh Su-Yen, berkata: "Dalam urusan harian kami dengan pesakit kencing manis, walaupun kami mempunyai sistem yang baik, kami masih dapat melihat kekurangan dalam penjagaan."

Majlis semalam turut menyaksikan pelancaran sebuah kemudahan penyelidikan akademik baru di Pusat Perubatan Akademi SingHealth Duke-NUS.

Dikenali sebagai Pusat Kajian Perubatan dan Penyelidikan Penularan, ia bertujuan mempercepat proses pembangunan dadah dan vaksin bagi penyakit berjangkit.